

# **TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI**

HELAIAN FAKTA  
DANA UTAMA 2018

## TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan koperasi (ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemniti dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana\* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PruBSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

*\*Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan yang mematuhi Syariah.*

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Ciri-ciri Dana

Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti (“Dana”) bertujuan untuk menyediakan peningkatan modal jangka panjang dengan melabur di dalam pelaburan yang mematuhi Syariah yang mempunyai pendedahan di rantau <i>Greater China</i> .
Strategi Pelaburan & Pendekatan	<p>Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur di dalam Dana Ekuiti Dinasti Eastspring Investments (“Dana Sasaran” atau “DEF”) yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad.</p> <p>Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai matlamatnya dengan melabur terutamanya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang berpangkalan di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai jangka panjang yang menarik. Dana Sasaran akan melabur di pasaran di mana pihak berkuasa pengawal selia adalah ahli biasa IOSCO. Pasaran di mana Dana Sasaran akan melabur termasuk China, Hong Kong dan Taiwan. Dana Sasaran juga akan melabur dalam saham syarikat patuh Syariah yang tersenarai di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat, di mana syarikat tersebut mempunyai pendedahan kepada wilayah rantau Greater China.</p>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none"><li>• Sehingga 100% NAV Dana dalam DEF; dan</li><li>• Baki NAV dana yang tidak dilaburkan dalam DEF akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.</li></ul>
Tanda Aras Prestasi	<p>Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones.</p> <p><i>Maklumat lanjut mengenai tanda aras boleh didapati di <a href="http://www.bloomberg.com">www.bloomberg.com</a>.</i></p>
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara’ Investments Berhad (860682-K)*

*\*Nota: Berkuat kuasa pada 1 Mac 2018, Pengurus Dana telah diubah daripada Eastspring Investments Berhad kepada Eastspring Al-Wara’ Investments Berhad.*

## Yuran & Caj

Caj Pengurusan Aset Wakalah	1.5% setahun
Caj Lain, jika ada	Tiada

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Pendedadhan Tambahan untuk Takafulink Dana Ekuiti Dinasti

Takafulink Dana Ekuiti Dinasti dilaburkan ke dalam Eastspring Investments Dinasti Equity Fund, yang diurus oleh Eastspring Investments Berhad (“Pengurus Dana Sasaran”).

Sila ambil perhatian bahawa anda hanya akan dikenakan caj 1.5%, caj wakalah pengurusan aset tahunan di peringkat Dana. Anda tidak akan dikenakan caj wakalah pengurusan aset tahunan di peringkat Dana Sasaran.

## Prestasi Dana

Tahun	Takafulink Dana Ekuiti Dinasti (%)	Tanda Aras* (%)
2018	(16.83)	(16.12)
2017	33.66	30.21
2016	9.49	8.51
2015	18.53	16.97
2014	3.74	9.91
2013	10.03	18.04
2012	10.55	6.75
2011	(11.34)	(16.48)
2010	9.40	8.66
2009	N/A	N/A

\*Tanda aras: Indeks Pasaran Islam Greater China Dow Jones.

### Asas pengiraan prestasi lampau:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

\*NAV di sini merujuk kepada Nilai Aset Bersih Dana.

**Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.**

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Penentuan Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan masing-masing.

## Faktor Risiko

**Sila rujuk kepada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah mengikut aturan kepentingannya:**

- **Risiko Pasaran**

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan dalam suasana pasaran. Keadaan pasaran secara umumnya dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang buruk, ia boleh memberi impak kepada harga pasaran pelaburan Dana.

- **Risiko Kecairan**

Risiko kecairan merujuk pada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupakan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti patuh Syariah yang teliti.

- **Risiko Sekuriti**

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah-ubah sebagai tindak balas terhadap keadaan yang menjejaskan syarikat-syarikat individu. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjejaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan sekuriti dalam portfolio.

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Faktor Risiko

- **Risiko Mata Wang**

Dana ini akan melabur di pasaran asing, oleh itu, pelaburan akan didenominasikan dalam mata wang asing. Oleh kerana Dana didenominasikan dalam Ringgit Malaysia, pelaburan dalam mata wang asing akan menyebabkan Dana terdedah kepada risiko mata wang. Kesan daripada kadar pertukaran di antara dana mata wang asas dan mata wang pelaburan boleh mengakibatkan susut nilai terhadap pelaburan seperti yang dinyatakan dalam mata wang asas dana. Dana ini tidak berhasrat untuk terlibat dalam mana-mana perlindungan nilai mata wang untuk mengurangkan risiko mata wang.

- **Risiko Negara**

Dana ini mungkin terjejas oleh risiko khusus kepada negara-negara di mana Dana Sasaran dilaburkan. Risiko tersebut mungkin disebabkan oleh tetapi tidak terhad kepada perubahan di dalam setiap asas ekonomi negara, kestabilan sosial dan politik, perubahan matawang dan polisi pelaburan asing. Faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada nilai pelaburan di negara itu dan seterusnya boleh menjejaskan NAV Dana.

Pelaburan dalam pasaran tertentu mungkin dihadkan atau dikawal. Di sesetengah negara, pelaburan langsung dalam sekuriti patuh Syariah mungkin dilarang dan disekat kerana kehendak undang-undang. Kekurangan ini boleh meningkatkan kos urus niaga dan menjejaskan kecairan dan harga sekuriti patuh Syariah berkenaan.

Pengurus Dana akan sentiasa memantau dan memerhati perkembangan di negara-negara di mana aset Dana Sasaran dilaburkan. Di samping itu, Pengurus Dana Sasaran akan menggunakan proses pelaburan yang bersistematik, termasuk kajian yang kerap, untuk mengurus dan mengurangkan risiko ini.

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Faktor Risiko

- **Risiko Ketidapatuhan**

Risiko ini timbul daripada ketidakpatuhan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan dinyatakan dan dasar dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana, sama ada disebabkan oleh kesilapan atau kelalaian. Ketidapatuhan berikut boleh memaksa Pengurus Dana untuk menjual sekuriti Dana dengan menanggung rugi untuk membetulkan ketidakpatuhan dan seterusnya memberi kesan kepada nilai pelaburan pelabur dalam Dana. Bagi mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana telah mewujudkan kawalan dalaman bagi memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Ini adalah risiko Pengurus Dana atas kesilapan yang tidak disengajakan, mungkin boleh menyebabkan ketidakpatuhan mandat Dana berkaitan pelaburan. Risiko ini boleh dikurangkan oleh Pengurus Dana menggunakan cara berikut:

- Pemantauan oleh jawatankuasa pelaburan;
- Pemantauan had pelaburan dan sekatan melalui sistem pentadbiran yang digunakan oleh Pengurus Dana dan peniaga untuk menjalankan dagangan juga mempunyai keupayaan untuk memantau pelbagai peraturan dan keperluan dalaman seperti pelanggaran pelaburan; dan
- Pelaporan risiko operasi dan pelaburan secara berkala kepada pihak pengurusan kanan.

- **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Faktor Risiko

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih Dana (-dana) Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana (-dana) Sasaran ini dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian dalam pelaburan mereka dalam Dana (-dana) Sasaran.

Dana sasaran mungkin berubah objektif dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana masing-masing. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran yang sepadan dengan dana pelaburan kolektif Islam lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana dalam memenuhi objektif Dana masing-masing. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

- **Risiko Pengelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti patuh Syariah dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan semula berkala untuk sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti. Jika ini berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Dana berkemungkinan mengalami kerugian kerana Dana Sasaran tidak dibenarkan untuk menyimpan lebih keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah. Nilai Dana juga mungkin akan terjejas sekiranya sekuriti tidak patuh Syariah dilupuskan pada harga yang lebih rendah daripada kos pelaburan.



# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Faktor Risiko

- **Risiko Lesen**

Risiko ini berkaitan dengan pelaburan dalam sekuriti patuh Syariah yang tersenarai di negara yang memerlukan lesen sebelum membuat apa-apa pelaburan di negara tersebut. Lesen itu boleh dibatalkan/tidak dipengaruhi sekiranya Pengurus Dana Sasaran melanggar peraturan-peraturan yang berkaitan di negara tersebut. Jika ini berlaku, Dana Sasaran terpaksa menjual semua sekuriti patuh Syariah yang disenaraikan di bursa-bursa di negara itu dalam tempoh yang ditetapkan. Ini boleh menyebabkan kerugian, maka menjejaskan NAV Dana. Risiko ini akan dikurangkan oleh Pengurus Dana Sasaran dengan tekun memantau dan mematuhi peraturan yang berkaitan di negara tersebut.

- **Risiko Derivatif Islam**

Risiko bagi derivatif Islam berkemungkinan menjadi lebih tinggi daripada sekuriti patuh Syariah tradisional. Ketidakstabilan pada nilai NAV Dana tersebut mungkin menjadi lebih tinggi jika nilai yang dilaburkan di dalam derivatif Islam adalah 30% lebih daripada nilai NAV Dana. Produk berstruktur Islam boleh mengandungi satu atau lebih derivatif Islam terkandung, termasuk opsyen Islam. Nilai opsyen berkenaan bergantung kepada pelbagai faktor-faktor pasaran, seperti peningkatan pada indeks rujukan asas, kebolehubahan atau ketidakstabilan pada indeks, kadar keuntungan, kadar pertukaran matawang asing dan lain-lain. Nilai opsyen tersebut tidak semestinya berubah pada kadar yang setara dengan perubahan pada indeks rujukan asas. Tambahan pula, opsyen pada dasarnya, cenderung kepada penurunan bagi jangka masa panjang, dengan andaian bahawa semua faktor-faktor pasaran yang lain kekal tidak berubah. Faktor-faktor ini memberi kesan pada nilai opsyen dan juga nilai pelaburan di mana ianya terkandung.

*Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami dengan lebih baik berkenaan risiko.*

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunapakai oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara, apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

## Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	Peserta dengan toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang panjang serta ingin mempunyai pendedahan pelaburan ke rantau <i>Greater China</i> .
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.</li><li>• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran aset-aset yang berkaitan bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.</li><li>• Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal adalah diambil kira secara automatik ke dalam harga unitnya.</li><li>• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.</li><li>• Harga unit Dana dinilai pada penutupan setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian). Walau bagaimanapun, disebabkan nilai pelaburan Dana pada penutupan Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diketahui pada hari perniagaan berikutnya, penentuan harga unit Dana berkenaan dengan Tarikh Penilaian tertentu hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan pada 2 hari perniagaan berikutnya (T + 2).</li></ul>

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Maklumat Lain

### Keadaan Pengecualian

- PruBSN boleh menangguhkan penentuan harga unit dan menangguhkan pengeluaran atau penebusan unit, atau bertukar kepada mana-mana dana, di bawah Dana ini untuk tempoh yang munasabah dalam keadaan di luar jangkaan, seperti dan termasuk peristiwa campur tangan yang mengakibatkan penutupan sementara mana-mana bursa saham atau penggantungan saham tertentu di mana Dana dilaburkan. Dalam keadaan sedemikian, notis penggantungan mungkin diterbitkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta atas permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada/dari mana-mana dana Takafulink tersebut.
- PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan transaksi sivil jika Pengurus Dana Sasaran menggantung langganan Dana Sasaran tersebut.

## Informasi Mengenai Dana Sasaran

### Dana Ekuiti Dinasti Eastspring Investments

#### Strategi Pelaburan

Dana Sasaran ini bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur terutamanya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat yang beroperasi di rantau Greater China yang berpotensi menawarkan nilai menarik jangka panjang. Ini termasuk sekuriti patuh Syariah syarikat yang berpangkalan di Greater China yang tersenarai atau akan disenaraikan di bursa yang diiktiraf Republik Rakyat China, Hong Kong dan Taiwan, serta bursa lain yang diiktiraf seperti di Malaysia, Singapura dan Amerika Syarikat di mana pihak berkuasa kawal selia adalah ahli Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO). Dana Sasaran ini juga boleh melabur dalam pasaran asing yang tidak disenaraikan di atas di mana pihak berkuasa kawal selia adalah ahli IOSCO, Pengurus Dana Sasaran akan melabur dalam pasaran tersebut setelah memaklumkan seperti yang diperlukan kepada Suruhanjaya Sekuriti. Dana Sasaran ini akan menggunakan pendekatan pelaburan bawah ke atas yang mematuhi Syariah tanpa kekangan penanda aras.

Dana Sasaran boleh mengurangkan potensi risiko penurunan ekuiti dengan melabur baki NAV Dana Sasaran yang tidak dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti yang berkaitan ekuiti patuh Syariah ke dalam instrumen kewangan Islam.

# TAKAFULINK DANA EKUITI DINASTI

## Informasi Mengenai Dana Sasaran

Sekiranya berkenaan, Dana Sasaran akan dilabur di dalam sukuk dengan penarafan kredit minimum AA3/P2 oleh RAM atau penarafan yang setaraf dengan mana-mana agensi penarafan domestik atau global yang lain. Sekiranya penarafan kredit sukuk diturunkan oleh agensi penarafan, Pengurus Dana Sasaran akan melupuskan pelaburan terbabit di pasaran.

Pengurus Dana Sasaran juga boleh menggunakan derivatif Islam dan instrumen derivatif Islam yang berkaitan (tersedia di kaunter) seperti produk Islam berdasarkan kontrak Arboon, murabahah dan kontrak mudharabah serta produk berstruktur Islam untuk pengurusan portfolio yang efisien dan memanfaatkan keadaan pasaran berpotensi dan/atau perlindungan terhadap penurunan harga saham serta membolehkan Dana untuk mendapat pendedahan kepada sekuriti patuh Syariah yang beroperasi di rantau Greater China dengan efisien dan kos yang efektif. Kedudukan suntuk bersih dan leveraj tidak dibenarkan.

Menyentuh produk berstruktur Islam, sebarang penilaian kredit yang diberikan kepada penerbit produk berstruktur Islam dan institusi-institusi kewangan yang berkaitan mungkin tertakluk kepada penggantungan, penurunan atau penarikan balik pada bila-bila masa. Sekiranya sebarang penilaian penerbit produk berstruktur Islam jatuh di bawah tahap yang diperlukan, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil tindakan wajar dalam masa 3 bulan atau lebih yang dianggap perlu oleh Pengurus Dana Sasaran. Jika perlu, Pengurus Dana Sasaran akan merujuk kepada Pemegang Amanah dan penasihat Syariah. Tindakan tersebut mungkin termasuk meminta penerbit untuk memberhentikan, membeli balik atau menutup urus niaga tersebut pada nilai yang berpatutan yang ditentukan oleh kaedah atau asas yang telah disahkan oleh juruaudit Dana dan diluluskan oleh Pemegang Amanah. Dalam mengambil tindakan sedemikian, mungkin terdapat kerugian dan/atau perbelanjaan modal.

Bagi instrumen derivatif Islam, Pengurus Dana Sasaran menggunakan kepakaran syarikat-syarikat bersekutu Eastspring Investments di rantau Asia untuk menggunakan proses pengurusan risiko bagi memastikan penilaian yang tepat dan bebas untuk nilai di kaunter derivatif Islam dan untuk memastikan pendedahan risiko Dana Sasaran yang berkaitan dengan instrumen derivatif Islam tidak melebihi had yang ditetapkan. Nilai semasa aset, risiko pihak bertentangan, pergerakan pasaran dan masa yang diperlukan untuk membubarkan kedudukan akan diambil kira.

Dana Sasaran ini diuruskan secara aktif. Walau bagaimanapun, kekerapan strategi dagangannya akan bergantung kepada peluang pasaran

*Pengurus Dana Sasaran telah memperoleh lesen yang diperlukan sebelum melabur dalam sekuriti patuh Syariah yang disebut harga di bursa Greater China yang diiktiraf, antaranya, Republik Rakyat China dan Taiwan.*

**Penafian:**

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

**TAKAFUL**  
Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

**Prudential BSN Takaful Berhad (740651-H)**

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2053 7188

E-mel: [customer@prubsn.com.my](mailto:customer@prubsn.com.my)

[www.prubsn.com.my](http://www.prubsn.com.my)

AHLI

